

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29/09/2007

# Abdullah hargai sumbangan Hotel Federal

UM - 29/8/2007

KUALA LUMPUR 28 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau menghargai sumbangan Hotel Federal yang dibuka tiga hari sebelum pengisytiharan merdeka pada 1957 untuk kemudahan tetamu kenamaan dan asing.

Menurut Perdana Menteri, pembinaan hotel itu yang diilhamkan Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj juga menjadi pilihan kerajaan untuk mengadakan pelbagai program kerana ia adalah hotel yang terbaik ketika itu.

"Saya gembira kerana hotel ini yang dimi-

liki oleh Kumpulan Low Yat telah berkembang sehingga ke luar negara," katanya ketika berucap pada sambutan ulang tahun Hotel Federal ke-50 di sini malam ini.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Pengerusi Kumpulan Low Yat, Tan Sri Low Yow Chuan.

Hotel yang terletak di Jalan Bukit Bintang itu telah dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman pada 28 Ogos 1957.

Antara mereka yang pernah menginap di hotel berkenaan ialah bekas juara tinju

dunia, Muhammad Ali dan Joe Bugner.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, hotel berkenaan juga banyak meninggalkan kenangan manis kepada beliau yang sering mengunjunginya bersama-sama isteri, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood.

"Kami selalu mengunjungi hotel ini ketika muda kerana makanannya yang enak dan muziknya yang sedap didengar.

"Saya harap Jeanne tidak kisah apabila saya menceritakan kisah ini pada malam ini, lagipun beliau adalah adik ipar Endon," ujarnya berseloroh.